



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 April 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Kerajaan perhebat kawalan bekalan, harga barangan - Fuziah

KUALA LUMPUR - Kerajaan memperhebat langkah kawalan bekalan dan harga barangan bagi melindungi pasaran tempatan daripada tekanan inflasi yang berpunca daripada krisis bekalan global.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, Malaysia tidak terkecuali daripada impak global, termasuk konflik di Asia Barat dan sekatan di laluan perdagangan utama seperti Selat Hormuz.

Beliau berkata, peningkatan kos logistik antarabangsa menyumbang kepada kenaikan harga barangan import, sekali gus memberi kesan kepada keseluruhan rantaian bekalan domestik.

"Sebenarnya kita tidak hidup dalam kepompong sendiri kerana pada hari ini, apa sahaja yang berlaku di persekitaran kita, ia akan ada kesan kepada negara. Apabila kos logistik meningkat, tentu sekali barang yang dibawa

masuk itu meningkat harganya, dan rantaian bekalan itu akan ada kos," katanya semasa menjadi tetamu program Temu Bual Eksklusif: Dari Global ke Lokal: Usaha Kerajaan Kawal Inflasi terbitan Bernama Radio pada Selasa.

Fuziah berkata, bagi meminimumkan kesan terhadap rakyat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi tumpuan kepada memastikan bekalan mencukupi dan harga terkawal melalui penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Beliau berkata, tindakan penguatkuasaan operasi seperti Ops Tiris juga dipergiat bagi mengelakkan ketirisan barangan bersubsidi seperti diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan



FUZIAH

minyak masak paket yang berisiko meningkat ketika krisis global.

"Selain Ops Tiris, kerajaan juga menggunakan dua akta tersebut untuk mengawal bekalan dan harga barangan agar penjual atau peniaga tidak sewenang-wenangnya menjadikan konflik dan keadaan geopolitik semasa di Asia Barat sebagai sebab menaikkan harga barang," katanya.

Beliau berkata, KPDN mempunyai punca kuasa untuk mengarahkan peniaga mengemukakan maklumat lengkap kos perniagaan sehingga tempoh dua tahun bagi mengenal pasti sekiranya berlaku kenaikan harga yang tidak wajar.

Beliau turut menyarankan agar pengguna mengutamakan barangan tempatan dan mengamalkan perbelanjaan berhema bagi membantu menstabilkan pasaran dalam mendepani ketidaktentuan global ketika ini. - Bernama

Govt moves to control supply, prices of goods

KUALA LUMPUR: The government is intensifying measures to control the supply and prices of goods to safeguard the local market from inflationary pressures resulting from the global supply crisis.

Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Datuk Dr Fuziah Salleh said Malaysia is not isolated from the global impacts, including conflicts in West Asia and restrictions on key trade routes such as the Strait of Hormuz.

She said rising international logistics costs are contributing to higher import prices, thus affecting the entire domestic supply chain.

"Actually, we do not live in our own

cocoon because today, whatever happens around us will have an impact on our country. When logistics costs increase, surely the prices of goods brought in will rise, and there will be costs throughout the supply chain," she said.

She said this when she appeared as a guest on Bernama Radio's exclusive Interview programme titled "From Global to Local: Government Effort to Control Inflation" Tuesday.

Fuziah also said that to minimise its effects on the people, the KPDN is focusing on ensuring sufficient supply and controlled prices through the enforcement of laws such as the Control of Sup-

plies Act 1961 and the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 (Act 723).

She added that enforcement operations, such as Ops Tiris, have also been intensified to prevent leakages of subsidised goods, such as diesel, liquefied petroleum gas (LPG) and packet cooking oil, which are at higher risk during global crises.

"Besides Ops Tiris, the government also uses these two Acts to control the supply and prices of goods so that sellers or traders do not arbitrarily use the current conflict and geopolitical situation in West Asia as reasons to increase the prices of goods," she said.

Govt intensifies price, supply controls to tackle global supply crisis — Fuziah

KUALA LUMPUR: The government is intensifying measures to control the supply and prices of goods to safeguard the local market from inflationary pressures resulting from the global supply crisis.

Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living Datuk Dr Fuziah Salleh said Malaysia is not isolated from the global impacts, including conflicts in West Asia and restrictions on key trade routes such as the Strait of Hormuz.

She said rising international logistics costs are contributing to higher import prices, thus affecting the entire domestic supply chain.

"Actually, we do not live in our own cocoon because today, whatever happens around us will have an impact on our country. When logistics costs increase, surely the prices of goods brought in will rise, and there will be costs throughout the supply chain," she said.

She said this when she appeared as a guest on a Bernama Radio show titled 'From Global to Local:



Fuziah (right) speaks during the Bernama Radio show. — Bernama photo

Government Effort to Control Inflation' yesterday.

Fuziah said that to minimise its effects on the people, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) is focusing on ensuring sufficient supply and controlled prices through the enforcement of laws such as the Control of Supplies Act 1961 and the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

She added that enforcement operations such as Ops Tiris have also been intensified to prevent leakages of subsidised goods, such as diesel, liquefied petroleum gas

and packet cooking oil, which are at higher risk during global crises.

"Besides Ops Tiris, the government also uses these two Acts to control the supply and prices of goods so that sellers or traders do not arbitrarily use the current conflict and geopolitical situation in West Asia as reasons to increase the prices of goods," she said.

She said that the KPDN has the authority to instruct traders to submit complete information on business costs for up to two years to identify any unjustified price increases. — Bernama

Kerajaan perhebat kawalan bekalan, harga barangan depanti krisis bekalan global

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperhebat langkah kawalan bekalan dan harga barangan bagi melindungi pasaran tempatan daripada tekanan inflasi yang berpunca daripada krisis bekalan global.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Dr Fuziah Salleh berkata Malaysia tidak terkecuali daripada impak global, termasuk konflik di Asia Barat dan sekatan di laluan perdagangan utama seperti Selat Hormuz.

Beliau berkata peningkatan kos logistik antarabangsa menyumbang kepada kenaikan harga barangan

import, sekaligus memberi kesan kepada keseluruhan rantaian bekalan domestik.

"Sebenarnya kita tidak hidup dalam kepompong sendiri kerana pada hari ini, apa sahaja yang berlaku di persekitaran kita, ia akan ada kesan kepada negara. Apabila kos logistik meningkat, tentu sekali barang yang dibawa masuk itu meningkat harganya, dan rantaian bekalan itu akan ada kos," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjadi tetamu program Temu Bual Eksklusif: Dari Global ke Lokal: Usaha Kerajaan Kawal Inflasi ter-

bitan Bernama Radio semalam.

Fuziah berkata bagi meminimumkan kesan terhadap rakyat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi tumpuan kepada memastikan bekalan mencukupi dan harga terkawal melalui penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Beliau berkata tindakan penguatkuasaan operasi seperti Ops Tiris juga dipergiat bagi mengelakkan ketirisan barangan bersubsidi seperti

diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan minyak masak paket yang berisiko meningkat ketika krisis global.

"Selain Ops Tiris, kerajaan juga menggunakan dua akta tersebut untuk mengawal bekalan dan harga barangan agar penjual atau peniaga tidak sewenang-wenangnya menjadikan konflik dan keadaan geopolitik semasa di Asia Barat sebagai sebab menaikkan harga barang," katanya.

Beliau berkata KPDN mempunyai punca kuasa untuk mengarahkan peniaga mengemukakan maklumat lengkap kos perniagaan sehingga tempoh dua tahun

bagi mengenal pasti sekiranya berlaku kenaikan harga yang tidak wajar.

Beliau turut menyarankan agar pengguna mengutamakan barangan tempatan dan mengamalkan perbelanjaan berhemah bagi membantu menstabilkan pasaran dalam mendepani ketidakpastian global ketika ini. — Bernama

PERJELAS: Fuziah ditemuramah wartawan Bernama selepas meluangkan masa untuk bersiaran langsung dalam temubual eksklusif bersama Bernama Radio di Wisma Bernama dekat Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama



Kerajaan perhebat kawalan bekalan, harga barangan depuni krisis bekalan global

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperhebat langkah kawalan bekalan dan harga barangan bagi melindungi pasaran tempatan daripada tekanan inflasi yang berpunca daripada krisis bekalan global.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Dr Fuziah Salleh berkata Malaysia tidak terkecuali daripada impak global, termasuk konflik di Asia Barat dan sekatan di laluan perdagangan utama seperti Selat Hormuz.

Beliau berkata peningkatan kos logistik antara-bangsa menyumbang kepada kenaikan harga barangan import, sekali gus memberi kesan kepada keseluruhan rantaian bekalan domestik.

"Sebenarnya kita tidak hidup dalam kepompong sendiri kerana pada hari ini, apa sahaja yang berlaku di persekitaran kita, ia akan ada kesan kepada negara. Apabila kos logistik men-

ingkat, tentu sekali barang yang dibawa masuk itu meningkat harganya, dan rantaian bekalan itu akan ada kos," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjadi tetamu program Temu Bual Eksklusif: Dari Global ke Lokal: Usaha Kerajaan Kawal Inflasi terbitan Bernama Radio semalam.

Fuziah berkata bagi meminimumkan kesan terhadap rakyat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi tumpuan kepada memastikan bekalan mencukupi dan harga terkawal melalui penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Beliau berkata tindakan penguatkuasaan operasi seperti Ops Tiris juga dipergiat bagi mengelakkan ketirisan barangan bersubsidi seperti diesel, gas petroleum cecair

(LPG) dan minyak masak paketyang berisiko meningkat ketika krisis global.

"Selain Ops Tiris, kerajaan juga menggunakan dua akta tersebut untuk mengawal bekalan dan harga barangan agar penjual atau peniaga tidak sewenang-wenangnya menjadikan konflik dan keadaan geopolitik semasa di Asia Barat sebagai sebab menaikkan harga barang," katanya.

Beliau berkata KPDN mempunyai punca kuasa untuk mengarahkan peniaga mengemukakan maklumat lengkap kos perniagaan sehingga tempoh dua tahun bagi mengenal pasti sekiranya berlaku kenaikan harga yang tidak wajar.

Beliau turut menyarankan agar pengguna mengutamakan barangan tempatan dan mengamalkan perbelanjaan berhemah bagi membantu menstabilkan pasaran dalam mendepani ketidaktentuan global ketika ini. — Bernama



PERJELAS: Dr Fuziah ditemu ramah selepas meluangkan masa untuk bersiaran langsung dalam temu bual eksklusif bersama Bernama Radio di Wisma Bernama, semalam. — Gambar Bernama

KPDN siasat kes tular kedai tukar bateri kalkulator RM30



GAMBAR rakaman video tular di media sosial.

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan akan menjalankan siasatan mengenai kes tular yang memaparkan kos RM30 dikenakan oleh sebuah kedai di bandar ini bagi membaiki kalkulator dimasuki air.

Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, pihaknya akan membuat siasatan dengan memberi notis kepada peniaga kedai berkenaan.

Katanya, peniaga terbabit perlu mengemukakan maklumat mengenai har-

“Sama ada betul atau tidak harga RM30 yang dikenakan untuk membaiki kalkulator, jadi kedai (peniaga) itu perlu kemuka semua maklumat mengenai caj yang dikenakan”

Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Aswadi Jaafar

ga barangan dibaiki itu.

“Sama ada betul atau tidak harga RM30 dikenakan membaiki kalkulator, jadi kedai (peniaga) itu perlu kemuka semua maklumat mengenai caj yang dikenakan.

“Siasatan dibuat mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723),” katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima aduan rasmi mengenai caj RM30 yang dikenakan untuk membaiki kalkulator.

Katanya, pihaknya mengetahui kes itu selepas ia

tular di media sosial.

Terdahulu, tular di media sosial mengenai seorang peniaga di Kota Bharu mengenakan bayaran RM30 kepada seorang pelajar untuk membaiki kalkulator yang rosak akibat terkena air.

Tindakan itu mengundang kritikan orang ramai yang mempersoalkan caj berkenaan berikutan didakwa tidak munasabah.

Pemilik kedai kemudian tampil menjelaskan bahawa caj itu membabitkan kos perkhidmatan bagi kerosakan akibat terkena air dan bukannya sekadar menukar bateri.

Dua lori seleweng diesel ditahan

SHAH ALAM – Pergerakan mencurigakan dua buah lori membongkar kepada aktiviti penyelewengan diesel di Taman Perindustrian Shah Alam di sini, kelmarin.

Kegiatan itu dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor, kira-kira pukul 1 pagi dan menahan dua lelaki tempatan berusia 40-an.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN negeri, Mohd. Hani-zam Kecheh berkata, pihaknya dengan kerjasama polis dan Pasukan Gerakan Am menahan dua lori yang berhenti di kawasan tersebut.

Katanya, pemeriksaan lanjut kemudian mendapati badan lori itu diubah suai dan mempunyai Intermediate Bulk Container (IBC) berkapasiti 1,000 liter.

"Sebanyak lapan unit IBC ditemukan berisi bahan api diesel dengan anggaran jumlah

“

Pemeriksaan lanjut kemudian mendapati badan lori itu diubah suai dan mempunyai Intermediate Bulk Container (IBC) berkapasiti 1,000 liter.”

keseluruhan 2,300 liter.

"Dua individu dipercayai pemandu lori ditahan selepas tiada dokumen sah memiliki dan membawa barang kawalan berjadual itu," katanya.

Kesemua rampasan termasuk dua lori itu dianggarkan bernilai RM60,000 dan telah dibawa ke stor penyimpanan ekshibit KPDN untuk tindakan lanjut.



DUA lori yang ditahan di Taman Perindustrian Shah Alam kelmarin.

Tempatan

Rabu, 22 April 2026 001100 / 1

KPDN Sarawak berjaya kesan penyelewengan diesel

Penyelewengan dikesan selepas sebuah lori diperiksa dalam operasi di sebuah stesen minyak petang semalam

Oleh Jeremy Lanson

KUCHING: Kegiatan penyelewengan diesel berjaya dikesan selepas sebuah lori yang mencurigakan diperiksa dalam operasi penguatkuasaan di sebuah stesen minyak di sini, petang semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos-Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Butin berkata, kejadian kira-kira jam 2.30 petang itu berlaku ketika sepasukan anggota penguat kuasa menjalankan tugas statik di lokasi berkenaan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan di bahagian belakang lori menemui dua tangki jenis IBC yang disorok dan ditutup kemas, dipercayai digunakan untuk menyimpan diesel secara tidak sah.

"Pemeriksaan lanjut

mendapati sebanyak 650 liter diesel bernilai RM1,397.50 disimpan dalam tangki berkenaan, menjadikan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM23,797.50," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, modus operandi sindiket dipercayai mendapatkan diesel daripada sumber lain sebelum disimpan dalam tangki IBC bagi tujuan penyelewengan.

Terdapat seorang lelaki warga tempatan berusia 40-an turut ditahan dalam operasi tersebut untuk siasatan lanjut.

Satu kes telah dibuka di bawah Ops 555 mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak melokutkan kesalahan.

Katanya, jika sabit kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM1



TERBONGKAR: Lori yang digunakan untuk menyimpan dua tangki IBC mengandungi minyak diesel ditahan untuk siasatan lanjut. — Gerbang KPDN Sarawak

juta atau dipenjarakan sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi kesalahan berulang, denda boleh mencecah RM3 juta atau penjara sehingga lima

“Pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 650 liter diesel bernilai RM1,397.50 disimpan dalam tangki berkenaan, menjadikan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM23,797.50.”

Matthew Dominic Butin
Pegawai KPDN Sarawak

tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat pula, denda tidak melebihi RM2 juta boleh dikenakan dan bagi kesalahan kedua serta seterusnya, denda boleh meningkat sehingga RM5 juta," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menegaskan KPDN Sarawak akan terus mempergiat pemantauan di kawasan 'hotspot' bagi membantas aktiviti penyelewengan barang kawalan, khususnya diesel.

"Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam kegiatan ini bagi memastikan subsidi kerajaan sampai kepada golongan sasaran dan tidak disalah guna," tegasnya.

Orang ramai turut digesa menyalurkan maklumat berkaitan salah laku melalui WhatsApp 019-848 8000, e-mel: adu@kpdn.gov.my, talian 1-800-886-800 atau aplikasi Ez ADU KPDN.

烘焙店未獲准囤積 9噸統制品遭充公

(怡保21日讯) 霹靂州国内贸易及生活费局昨日展开“补漏行动4.0”，突击检查仕林河一间售卖烘焙原料及器具的商店，由于涉嫌未获得书面批准销售统制品，因此充公了将近9吨的小麦粉和糖，扣押价值为2万1862令吉32仙。

该局局长拿督卡马鲁丁今日发文告说，该行动于早上11时30分展开，执法人员检查中发现，该店囤有用于销售的统制品，包括小麦粉及白糖。

他说，执法单位随后援引1961年供应管制法令第8条文发出通知，要求业者提供有关统制品的持有资料。

“根据业者提交的资料显示，该店共持有7813公斤小麦粉

及1056公斤白糖。然而，业者未能出示任何由马来西亚供应管制官发出的书面许可文件，因此涉嫌违规。”

他指出，当局随即采取行动，充公上述统制品及相关文件，总值估计达2万1862令吉32仙。

他透露，此案目前援引1961年供应管制法令展开调查，涉嫌在未获书面批准下销售统制品。一旦罪成，个人可被罚款不超

过100万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施；若是公司或机构，可被罚款不超过200万令吉；若重犯，罚款最高可达500万令吉。

他呼吁公众充当执法单位的“耳目”，若掌握任何涉及统制品或补贴品滥用的情报，应积极向当局举报，共同打击违规行为，防止政府补贴流失。

民众可通过以下渠道提供情报，即WhatsApp: 019-848 8000，热线: 1-800-886-800，官方网站: <http://e-aduan@kpdn.gov.my>，电邮: <mailto:e-aduan@kpdn.gov.my>或手机应用程序Ez Adu KPDN。



霹靂州内贸局执法人员在仕林河一间售卖烘焙原料及器具的商店展开突击调查。(霹靂内贸局提供)

國大批 烘焙店無許可證 麵粉 白糖

(打巴21日訊) 仕林河一家售賣烘焙原料與器具的商店未持許可文件售統制品，被霹靂州國內貿易及生活成本局執法人員發現囤有7813公斤麵粉及1056公斤白糖，总值約2萬1862令吉32仙。

該局局長拿督卡馬魯丁發文說，該局執法人員於昨早11時30分，在漏網行動下（Ops Tiris 4.0）行動下，突击檢查仕林河一間售賣烘焙原料與器具的商店時，發現上述情況。

吁民衆充當耳目

他說，當下執法隊伍即援引1961年供應管制法令第8條文發出通知，要求業者交代貨源與持有情況。但業者無法出

示供應管制官發出的任何書面許可文件。

他說，執法人員已援引1961年供應管制法令，在涉嫌未經批准售賣統制品角度下展

開調查。

他說，一旦罪成，個人可被罰款不超過100萬令吉或監禁不超過3年，或兩者兼施；公司則可被罰款不超過200萬令吉，重犯最高可達500萬令吉。

他呼籲民衆充當耳目，如掌握統制品或補貼品被濫用的情報，可透過手機運用程式（019-8488000）、熱線（1-800-886-800）、電郵或Ez Adu KPDN手機應用程式投報，共同打擊違規行為，防止政府補貼流失。

焙原料與器具的商店時，有所斬獲。伍，周一（20日）突击檢查一家售賣烘焙原料與器具的生活成本局執法隊



↑ 被發現的7813公斤麵粉。

↻ 業者的白糖也無合法證件。

சட்டவிரோதமாக விற்கப்பட்ட சீனி, கோதுமை பறிமுதல்

தஞ்சாவூர்
மாலிம், ஏப். 22-
சட்டவிரோதமான
வகையில்
விற்பனை
செய்யப்பட்ட 7,813
கிலோ கோதுமை,
1,056 கிலோ சீனி
பேராக் மாநில
உள்நாட்டு வர்த்தக
வாழ்க்கைச்
செலவின
(கேபிடிஎன்) அமைச்சின்
அமலாக்கப்
பிரிவால் பறிமுதல்
செய்யப்பட்டது.



தஞ்சாவூர்
மாலியில் உள்ள
கேக் தயாரிப்புப் பொருட்களை
விற்கும் கடை ஒன்றில் நேற்று
முன்தினம் இரவு 11.30
மணியளவில் அந்தச் சீனியும்
கோதுமையும் கைப்பற்றட்டன
என்று கேபிடிஎன் இயக்குநர் டத்தோ
கமாலுடன் இஸ்மாயில்
தெரிவித்தார்.

அந்தக் கடையில்
கட்டுப்படுத்தப்பட்ட
பொருள்களான சீனி, கோதுமை
விற்கப்படுவதாக புகார் கிடைக்கப்
பெற்றதைத் தொடர்ந்து அங்கு
அதிகாரிகள் சோதனையில்
ஈடுபட்டனர். சம்பவத்தின்போது

அங்கு விற்பனை
செய்யப்படுவதற்காக
வைக்கப்பட்டிருந்த 7,813 கிலோ
கோதுமை, 1,056 கிலோ சீனி
பறிமுதல் செய்யப்பட்டது.

அந்த இரு சமையல்
பொருள்களை விற்பதற்கான
முறையான அனுமதி பார்த்தையும்
அந்தக் கடை உரிமையாளர் காட்டத்
தவறியதால் அந்தக் கடையிலிருந்து
அந்தப் பொருள்கள் பறிமுதல்
செய்யப்பட்டன. பறிமுதல்
செய்யப்பட்ட அந்த சீனி,
கோதுமையின் விலை 21,862.32
ரிங்கிட் என்று
மதிப்பிடப்பட்டிருக்கிறது.

கோத்தாபாரு, ஏப். 22-
தண்ணீர் புகுந்துவிட்ட
கல்குலேட்டரை (கணக்கிடும்
கருவி) பழுது நீக்குவதற்கு
கோத்தாபாருவில் உள்ள ஒரு கடை
30 ரிங்கிட் கட்டணம் விதித்ததாக
வெளியான வீடியோ பதிவு குறித்து
கிளாந்தான் மாநில உள்நாட்டு
வர்த்தக வாழ்க்கைச்
செலவினத்துறை விசாரிக்கிறது
என்று அதன் துணை இயக்குநர்
அஸ்வடி ஜஃபார் தெரிவித்தார்.
சம்பந்தப்பட்ட கடைக்காரருக்கு
நோட்டீஸ் வழங்குவதோடு அது
குறித்து புலன் விசாரணையும்
நடத்தப்படும் என்று அவர்
குறிப்பிட்டார். பழுதுநீக்கப்
பயன்படுத்தப்பட்ட பொருட்களின்
விலை குறித்து சம்பந்தப்பட்ட
கடைக்காரர் உரிய தகவல்களைச்
சமர்ப்பிக்க வேண்டும் என அந்த
நோட்டீசில் கேட்டுக்
கொள்ளப்பட்டது.
அந்த கல்குலேட்டரைப் பழுது
நீக்குவதற்கு 30 ரிங்கிட் கட்டணம்
விதிக்கப்பட்டதா அல்லது

தண்ணீர் புகுந்த கல்குலேட்டர்

பழுது நீக்குவதற்கு 30 ரிங்கிட் கட்டணமா?

அதிகாரிகள்
விசாரணை

இல்லையா என்பதை உறுதிசெய்ய
அது தொடர்பான அனைத்துத்
தகவல்களையும் கடைக்காரர்
விசாரணையின்போது சமர்ப்பிக்க
வேண்டும் என்று அவர் சொன்னார்.
2011ஆம் ஆண்டு கொள்ளை லாப
எதிர்ப்பு, விலைக் கட்டுப்பாட்டுச்
சட்டத்தின் கீழ் இந்த விசாரணை
நடத்தப்பட்டது. எனினும்
கல்குலேட்டரைப் பழுது நீக்குவதற்கு
30 ரிங்கிட் கட்டணம் விதிக்கப்பட்டது
குறித்து நாங்கள் இதுவரை எந்தப்



புகாரையும் பெறவில்லை என்று
அவர் கூறினார். சமூக ஊடகங்கள்
மூலமாகத்தான் இந்த விஷயம்
தெரிய வந்தது என்றார் அவர்.
முன்னதாக கல்குலேட்டருக்குள்
தண்ணீர் புகுந்ததால் அதனைப்
பழுது நீக்குவதற்கு
கோத்தாபாருவில் உள்ள ஒரு
கடைக்காரர், ஒரு மாணவரிடம் 30
ரிங்கிட் கட்டணம்
வசூலித்திருப்பதாக சமூக
ஊடகங்களில் புகார் பரவி
இருக்கிறது. இந்தக் கட்டணம்
குறித்து பொதுமக்களும் கேள்வி
எழுப்பி இருக்கின்றனர். 30 ரிங்கிட்
கட்டணம் என்பது நியாயமற்றது
என்றும் அவர்கள் தெரிவித்தனர்.
இதற்கிடையே கல்குலேட்டரின்
பேட்டரி மாற்றப்பட்டதோடு நீர்
புகுந்து விட்டதால் அதனைச் சரி
செய்வதற்கும் ஏற்பட்ட
செலவாகத்தான் 30 ரிங்கிட்
கட்டணம் விதிக்கப்பட்டது என்று
அந்தக் கடைக்காரர் விளக்கம்
அளித்திருக்கிறார்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

Pelabur gesa percepat pendakwaan terhadap dalang skim mesin layan diri, mesin kopi

Putrajaya: Beberapa pelabur menghantar surat rayuan kepada Jabatan Peguam Negara agar mempercepat pendakwaan terhadap dua dalang skim membabitkan mesin layan diri dan mesin kopi yang didakwa mengakibatkan kerugian hampir RM9 juta.

Sofiausaha Agung Pertubuhan Kemajuan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim, berkata skim berkenaan pada awalnya menjanjikan pulangan lumayan melalui operasi mesin yang dikendalikan syarikat, sebelum pembayaran kepada pelabur gagal dilunaskan seperti dijanjikan.

Katanya, pelabur tidak mempunyai kawalan terhadap aset yang dilaburkan dan kesahihan kewujudan mesin itu juga tidak

dapat dipastikan sepenuhnya, walaupun wujud secara dokumentasi.

"Mangsa terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk warga emas dan penjawat awam. Ada yang menggunakan simpanan sendiri, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, malah membuat pinjaman untuk menyertai pelaburan ini," katanya kepada pemberita di luar Jabatan Peguam Negara, di sini, semalam.

Hishamuddin berkata, laporan dibuat kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan mengikut kesalahan jenayah termasuk penipuan, perubahan wang haram dan pecah amanah.

Selain itu, katanya, aduan turut dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ke-



Hishamuddin ketika sidang media selepas menyerahkan memorandum berkaitan penipuan skim pelaburan mesin layan diri kepada wakil Jabatan Peguam Negara di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

rana kedua-dua syarikat terbabit didakwa gagal mendaftarkan skim di bawah Akta Skim Keptingan 2016.

Beliau berkata, siasatan mendapati tiada pelantikan pemegang amanah serta ketiadaan akaun amanah bagi mengurus dana pelabur, sekali gus menimbulkan keraguan terhadap ke-

telusan pengurusan kewangan skim itu.

"Pelaburan ini dikawal sepenuhnya oleh syarikat walaupun membabitkan dana awam yang jelas bertentangan peruntukan undang-undang," katanya.

Bagaimanapun, mangsa mendakwa mereka dimaklumkan kes berkenaan diklasifikasi se-

bagai *No Further Action* (NFA), sekali gus mencetuskan kekecewaan pelabur.

Katanya, walaupun terdapat arahan untuk siasatan semula dan dokumen tambahan sudah diserahkan kepada pihak berkuasa, sehingga kini masih tiada perkembangan berkaitan pendakwaan.

Mangsa pelaburan mesin layan diri mohon percepat pendakwaan

Putrajaya: Sekumpulan mangsa pelaburan tampil menghantar surat rayuan kepada Jabatan Peguam Negara agar mempercepat pendakwaan terhadap dua dalang skim pelaburan membabitkan mesin layan diri dan mesin kopi yang didakwa mengakibatkan kerugian hampir RM9 juta.

Setiasaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim berkata, skim berkenaan pada awalnya menjanjikan pulangan lumayan melalui operasi mesin yang dikendalikan syarikat, sebelum pembayaran kepada pela-

bur gagal dilunaskan seperti dijanjikan.

Menurutnya, pelabur tidak mempunyai kawalan terhadap aset yang dilaburkan dan kesahihan kewujudan mesin itu juga tidak dapat dipastikan sepenuhnya walaupun wujud secara dokumentasi.

"Mangsa terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk warga emas dan penjawat awam. Ada yang menggunakan simpanan sendiri, wang KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), malah membuat pinjaman untuk menyertai pelaburan ini," katanya kepada pemberita di pekarangan Jabatan Peguam Negara, di sini, se-

malam.

Hishamuddin berkata, laporan dibuat kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan di bawah kesalahan jenayah termasuk penipuan, pengubahan wang haram dan pecah amanah.

Selain itu, aduan turut dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kerana kedua-dua syarikat terbabit didakwa gagal mendaftarkan skim di bawah Akta Skim Kepentingan 2016.

Katanya, siasatan mendapati tiada pelantikan pemegang amanah serta ketiadaan akaun amanah bagi mengurus dana pelabur, sekali gus menimbulkan



HISHAMUDDIN (tiga dari kiri) ketika sidang media selepas menyerahkan memorandum berkaitan penipuan program pelaburan mesin layan diri kepada wakil Pejabat Peguam Negara.

keraguan terhadap ketelusan pengurusan kewangan skim itu.

"Malah, pelaburan ini dikawal sepenuhnya oleh syarikat walaupun mem-

babitkan dana awam, yang jelas bertentangan dengan peruntukan undang-undang," katanya.

Bagaimanapun, mangsa mendakwa mereka dimak-

lumkan bahawa kes berkenaan diklasifikasikan sebagai "No Further Action" (NFA), sekali gus mencecutkan rasa kecewa dalam kalangan pelabur.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

T5, T10 dicadang tiada subsidi bahan api

Dana disasar semula kepada B40, M40 ketika berlakunya krisis tenaga global hari ini

SHAH ALAM – Golongan berpendapatan tinggi dicadang dikecualikan daripada menikmati subsidi bahan api bagi memastikan bantuan itu dapat disasarkan kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berpandangan langkah itu penting memandangkan golongan berkenaan didapati menggunakan subsidi pada kadar lebih besar berbanding kumpulan lain.

"Sekiranya subsidi berkenaan dimansuhkan untuk T5 dan T10, penjimatan itu boleh dialihkan kepada golongan B40 dan M40."

"Saya kira kerajaan akan mempunyai lebihan dana untuk mengekalkan harga RM1.99 seliter. Sebab itu saya selalu katakan mungkin dalam keadaan semasa perlu ada satu semakan semula belanjawan," katanya dalam forum meja bulat bertajuk Krisis Tenaga dan Kelestarian Subsidi: Apa Nasib Rakyat Marhaen yang berlangsung di

Kompleks Karangkrak di sini pada Khamis.

Forum yang dikendalikan oleh hos merangkap personaliti televisyen, Ismail Adnan itu turut menampilkan barisan panel terdiri daripada Profesor Adjung Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) UKM, Ir Dr Mohd Shahreen Zainoreen Madros; Naib Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIIM), Datuk Dr Ramli Tahir dan Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohd Yusrizal Yusoff.

Terdahulu, krisis Asia Barat melibatkan perang Amerika Syarikat-Israel dengan Iran serta sekatan di Selat Hormuz meninggalkan impak besar kepada ekonomi negara.

Penerusan subsidi bahan api melalui BUDI95 dan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) menelan kos tinggi sehingga RM6 bilion sebulan berbanding RM700 juta sebulan sebelum perang.

Dalam pada itu, Mohd Afzanizam berkata ketika ini rakyat menggunakan MyKad bagi menikmati subsidi di bawah inisiatif BUDI95, yang dilihat sangat efektif dan cekap dari segi pengumpulan maklumat.

Ujarnya, mekanisme tersebut memudahkan kerajaan menjejak penggunaan secara lebih sistematik.



MOHD AFZANIZAM



FOTO: ASRI, ASWANDI SHUKOR

Program Meja Bulat membicarakan Krisis Tenaga dan Kelestarian Subsidi, Apa Nasib Rakyat Marhaen bersama panelis (dari kiri) Mohd Yusrizal, Ramli, Mohd Afzanizam dan Ismail di Kompleks Karangkrak pada Khamis.

"Apa yang saya dimaklumkan, kerajaan boleh menjejak penggunaannya. Jika cadangan seperti itu dilaksanakan, kita boleh melihat corak penggunaan, namun yang paling penting ialah menilai kelayakan berdasarkan pendapatan," katanya.

Beliau turut berpandangan kerajaan perlu mencari keseimbangan terbaik dalam pengagihan sumber negara dengan membuat keputusan pemberian subsidi berdasarkan situasi semasa yang bersifat dinamik.

"Sebab kita berada dalam keadaan kejut. Dalam keadaan semasa ini, kita tidak boleh tidak mempunyai subsidi," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai cadangan parti politik agar kerajaan melaksanakan darurat dengan menangguk

pilihan raya untuk berdepan krisis Asia Barat, beliau berpandangan langkah tersebut kurang tepat dilaksanakan buat masa ini.

Katanya, krisis berkenaan memberikan dua impak utama iaitu kenaikan

harga barang susulan peningkatan harga minyak serta kecukupan bekalan bahan api.

"Bagi saya, jika kita sampai ke tahap bekalan minyak tidak mencukupi, itu yang boleh mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan."

"Saya rasa keperluan untuk mengisytiharkan darurat dalam konteks masa ini mungkin kurang tepat untuk dilaksanakan. Namun, isu kecukupan bahan api itu penting dan bekerja dari rumah (BDR) sangat tepat dalam konteks ini," katanya.

MEJA BULAT
Diskusi Mencipta Resolusi



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 APRIL 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Apr	Ops Tiris 4.0 dipertingkat, KPDN giat kekang ketirisan bekalan susulan krisis Asia Barat	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/ops-tiris-4-0-dipertingkat-kpdn-giat-kekang-ketirisan-bekalan-susulan-krisis-asia-barat/	UTUSAN
22-Apr	KPDN Perak sita lebih lapan tan barang kawalan bernilai hampir RM22,000	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-sita-lebih-lapan-tan-barang-kawalan-bernilai-hampir-rm22000	ASTRO AWANI
22-Apr	Tepung gandum 7,813kg dan gula 1,056kg dijual secara haram disita	https://www.kosmo.com.my/2026/04/21/tepung-gandum-7813kg-dan-gula-1056kg-dijual-secara-haram-disita/	KOSMO
22-Apr	Lebih 8 tan tepung, gula dirampas simpan tanpa kebenaran	https://www.sinarharian.com.my/article/776599/berita/semasa/lebih-8-tan-tepung-gula-dirampas-simpan-tanpa-kebenaran	SINAR HARIAN
22-Apr	Kedai perkakas dan barangan kek simpan lebih 8,000 kg tepung	https://mgperak.com/kedai-perkakas-dan-barang-kek-simpan-lebih-8000-kg-tepung/	MG PERAK
22-Apr	商店非法囤积超过8000公斤面粉被查	https://perak.sinchew.com.my/news/20260421/perak/7440324	SIN CHEW
22-Apr	KPDN siasat peniaga kenakan harga RM30 baiki kalkulator dimasuki air	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1348701/kpdn-siasat-peniaga-kenakan-harga-rm30-baiki-kalkulator-dimasuki-air	HARIAN METRO
22-Apr	Dua lori kantai seleweng 2,300 liter diesel	https://www.kosmo.com.my/2026/04/21/dua-lori-kantai-seleweng-2300-liter-diesel/	KOSMO

22-Apr	Dua lori ditahan berhenti dalam gelap, rupanya seleweng diesel	https:// www.sinarharian.com.my/ article/776637/berita/semasa/ dua-lori-ditahan-berhenti-dalam- gelap-rupanya-seleweng-diesel	SINAR HARIAN
22-Apr	Fined for using expired scale	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/279952/fined-for-using-	DAILY EXPRESS
22-Apr	Harga bekalan makanan kekal stabil – FAMA	https:// mymnt- news.com/2026/04/21/ harga-bekalan-makanan-	MYMNT NEWS
22-Apr	KPDN Sarawak tumpas cubaan seleweng diesel	https:// www.tvsarawak.my/2026/04/21/ kpdn-sarawak-tumpas-cubaan- seleweng-diesel/	TVS
22-Apr	KPDN Sarawak gagalkan cubaan seleweng 650 liter diesel	https://utusanarawak.com.my/ kpdn-sarawak-gagalkan-cubaan- seleweng-650-liter-diesel/	UTUSAN SARAWAK
22-Apr	KPDN Sarawak berjaya kesan kegiatan penyelewengan diesel	https:// www.utusanborneo.com.my/202 6/04/21/kpdn-sarawak-berjaya- kesan-kegiatan-penyelewengan- diesel	UTUSAN BORNEO
22-Apr	KPDN rampas 650 liter diesel disyaki diseleweng	https://suarasarawak.my/kpdn- rampas-650-liter-diesel-disyaki- diseleweng/	SUARA SARAWAK
22-Apr	砂拉越执法单位起获650公升走私柴油	https:// sarawak.sinchew.com.my/ news/20260421/	SIN CHEW
22-Apr	Kes penyelewengan diesel dibawa ke mahkamah	https://www.bernama.com/bm/ jenayah_mahkamah/news.php? id=2547635	BERNAMA
22-Apr	KPDN Sabah, PDRM per- kasa kerjasama banteras ketirisan subsidi	https://sabahnewstoday.net/ kpdn-sabah-pdrm-perkasa- kerjasama-banteras- ketirisan-subsidi/	SABAH NEWS

22-Apr	KPDN, PDRM perkukuh sinergi perangi ketirisan subsidi di Sabah	https://sabahmedia.com/2026/04/21/kpdn-pdrm-perkukuh-sinergi-perangi-ketirisan-subsidi-di-	SABAH MEDIA
22-Apr	Kerajaan perhebat kawalan bekalan dan harga barangan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2547523	BERNAMA
22-Apr	Kerajaan perhebat kawalan bekalan, harga barangan depeni krisis global	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-perhebat-kawalan-bekalan-harga-barangan-depani-	ASTRO AWANI
22-Apr	Kerajaan perhebat kawalan bekalan harga barangan depeni krisis global	https://mediabatu.com/kerajaan-perhebat-kawalan-bekalan-harga-barangan-depani-krisis-bekalan-global/	MEDIA BATU
22-Apr	Kerajaan perhebat kawalan bekalan harga barangan depeni krisis global	https://utusanarawak.com.my/kerajaan-perhebat-kawalan-bekalan-harga-barangan-depani-krisis-bekalan-	UTUSAN SARAWAK
22-Apr	KPDN monitors petrol stations to curb diesel misappropriation	https://www.sarawaktribune.com/kpdn-monitors-petrol-stations-to-curb-diesel-	SARAWAK TRIBUNE
22-Apr	Ministry ramps up enforcement to curb inflation-driven global disruptions	https://www.nst.com.my/news/regional/2026/04/1423106/ministry-ramps-enforcement-curb-inflation-driven-global-disruptions	NST
22-Apr	Government intensifies price and supply controls amid global crisis	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/government-intensifies-price-and-supply-controls-amid-global-crisis/	THE SUN
22-Apr	Govt intensifies price, supply controls to tackle global supply crisis	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/21/govt-intensifies-price-supply-controls-to-tackle-global-supply-crisis	THE STAR

22-Apr	KPDN siasat peniaga kenakan harga RM30 baiki kalkulator dimasuki air	https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2026/04/1348701/ kpdn-siasat-peniaga- kenakan-harga-rm30-baiki- kalkulator-dimasuki-air	HARIAN METRO
22-Apr	KPDN Perak rampas lebih lapan tan barang kawalan bernilai hampir RM22,000	https:// themalaysiapress.com/kpdn- perak-rampas-lebih-lapan- tan-barang-kawalan-bernilai- hampir-rm22000/	THE MALAYSIA PRESS
22-Apr	Kes penyelewengan diesel dihadapkan ke mahkamah	https://www.bernama.com/ bm/jenayah_mahkamah/ news.php?id=2547577	BERNAMA